

**Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan 2012 lebih lengkap  
Utusan Online  
19April, 2012**

KUALA LUMPUR 18 April - Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dilihat lebih lengkap bagi memastikan negara dapat dilindungi daripada sebarang ancaman penganas khususnya dalam suasana dunia yang semakin kompleks ketika ini.

Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara, Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, keganasan dan ancaman kepada keselamatan negara sekarang telah berevolusi dan tidak terhad pada ancaman komunis sahaja.

"Dalam memastikan keselamatan negara lebih terjamin daripada sebarang ancaman, undang-undang pencegahan seperti itu amat diperlukan.

"Undang-undang itu bakal memberikan kuasa yang cukup kepada pihak berkuasa bagi mencegah sebarang ancaman tetapi pada masa sama hak-hak rakyat sendiri lebih terjamin," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 yang diluluskan semalam bagi melengkapkan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 hanya memperuntukkan langkah-langkah khas untuk menangani kesalahan keselamatan dan tidak membuat peruntukan mengenai jenis kesalahan yang menjadi kesalahan keselamatan.

Tambah Nik Ahmad Kamal, jika dulu suspek penganas boleh ditahan tanpa bicara sehingga 24 bulan tetapi sekarang hanya dibenarkan untuk ditahan tidak lebih 28 hari.

"Ini membuktikan undang-undang baru itu jauh lebih baik berbanding Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam memastikan proses demokrasi dapat berjalan dengan lebih adil kepada rakyat," tegasnya.

Bagi Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Respa), Mohd. Jamil Mohd. Hassan pula, undang-undang baru itu sebagai satu langkah menambah baik yang selari dengan sistem demokrasi di Malaysia.

"Jika dahulu ISA dikatakan zalim tetapi sekarang di negara-negara yang terkenal dengan perjuangan hak asasi manusia itu juga telah memperkenalkan undang-undang hampir sama seperti Akta Patriot di Amerika Syarikat, Akta Pencegahan Keganasan di United Kingdom dan Akta Anti Keganasan di Australia.

"Ini membuktikan langkah pencegahan amat perlu dalam menghadapi sebarang ancaman bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara maju lain," ujarnya.

Tambah beliau, senario dunia hari ini sudah banyak berubah sejak tragedi 11 September 2001 dan ia telah memaksa satu undang-undang baru diwujudkan supaya keselamatan negara lebih terjamin pada masa hadapan.

Tegasnya, semua pihak khususnya mereka yang cuba mempolitikkan undang-undang tersebut perlu berfikir dengan lebih rasional.

"Mereka hanya mahu mencari populariti politik tanpa meletakkan kepentingan negara sebagai keutamaan," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0419&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0419&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_02.htm)